

24/02/2001

Usah tukar kerajaan kerana mahu perubahan: Dr M

KUCHING, Jumaat - Rakyat Sarawak diingatkan supaya tidak menukar kerajaan negeri yang ada sekarang semata-mata kerana mahukan perubahan, sedangkan perubahan tidak semuanya membawa kebaikan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, selama ini rakyat Sarawak telah menikmati kestabilan, kemakmuran, kejayaan ekonomi dan pastinya mereka mahu keadaan itu berterusan.

"Memanglah dalam negara yang mengamalkan demokrasi, kita perlu mengadakan pilihan raya dan dalam pilihan raya anda boleh `membuang' sesiapa saja yang tidak menunjukkan prestasi baik.

"Tetapi jangan membuang (tukar) terlalu kerap, kerana ia tidak baik untuk rakyat. Saya harap rakyat Sarawak sedar pentingnya untuk tidak membuang apa yang baik...anda ada kerajaan yang baik di sini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam Semua Ketua Kaum Bersama Perdana Menteri di Dewan Undangan Negeri Petra Jaya di sini, malam ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila Taib, Timbalan-Timbalan Ketua Menteri serta Menteri Kabinet Pusat dan Negeri.

Dr Mahathir berkata, di sesetengah negara yang dalam setiap pilihan raya, parti baru akan dipilih untuk membentuk kerajaan, mereka tidak mempunyai cukup masa untuk melakukan sesuatu.

Menurutnya, disebabkan tempoh untuk mengadakan satu pilihan raya dengan satu lagi pilihan raya hanya lima tahun, mereka yang terpilih tidak mempunyai masa melakukan sesuatu untuk negara mereka.

"Apabila kita jadikan ia amalan (pilih kerajaan baru dalam setiap pilihan raya), negara tidak akan dapat membangun, kerana kerajaan tidak bertahan cukup lama," katanya.

(END)